KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

SEMAKAN KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN PELAJAR KE PROGRAM DIPLOMA, SIJIL,SIJIL KHAS KEMAHIRAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI SESI II : 2026/2027

BAGI KATEGORI LEPASAN SIJIL POLITEKNIK/ KOLEJ KOMUNITI/ KOLEJ VOKASIONAL/ INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN AWAM, LEPASAN SPM DAN LEPASAN SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS

1. Sukacita dimaklumkan bahawa keputusan kemasukan pelajar Sesi II 2026/2027 ke program Diploma, Sijil dan Sijil Khas Kemahiran (OKU) di 36 buah Politeknik dan 106 buah Kolej Komuniti melalui e-Borang MyPolyCC boleh mula disemak mulai **26 Oktober 2026 (Isnin), jam 5.00 Petang** melalui pautan https://ambilan.mypolycc.edu.my.

2. Sehingga **26 Oktober 2026**, sejumlah **13,242 permohonan** telah diterima melalui sistem e-Borang MyPolyCC, dan **8,351 tawaran** telah dikeluarkan kepada calon bagi mengisi **84 program Diploma, 41 Sijil dan 7 Sijil Khas Kemahiran (OKU).**

3. Calon yang berjaya perlu melaksanakan proses pengesahan setuju terima tawaran mulai **26 Oktober 2026 jam 5.00 petang hingga 4 November 2026** melalui pautan yang sama. Surat tawaran pengajian hanya boleh dicetak setelah proses pengesahan dilengkapkan.

4. Calon perlu menghantar Borang Jawapan Tawaran (BJT) beserta dokumen berkaitan kepada Politeknik dan Kolej Komuniti mulai **26 Oktober 2026**.

5. Bagi calon yang tidak berjaya, permohonan rayuan boleh dibuat mulai **26 Oktober 2026** dan keputusan permohonan rayuan boleh disemak pada setiap hari **Khamis** bermula **29 Oktober 2026 jam 5.00 petang** melalui pautan https://ambilan.mypolycc.edu.my.

6. Tarikh pendaftaran pelajar baharu bagi ambilan Sesi II 2026/2027 mulai **22 atau 23 Nov 2026.**

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan tersebut boleh dimajukan ke Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar PolyCC secara terus di alamat berikut:-

BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR,
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI,
ARAS 6, GALERIA PJH, JALAN P4W, PERSIARAN PERDANA,
62100 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

No. Tel	: 03 - 8888 3837
No. Whatsapp	: 03 – 8888 5625
E-mel	: jppkk.ambilan@mohe.gov.my
Facebook/Tiktok	**: polycc.edu**
Instagram	**: polycc.edu_**

Jabatan ini ingin mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan calon yang berjaya ditawarkan tempat ke program Diploma, Sijil dan Sijil Khas Kemahiran (OKU) Politeknik dan Kolej Komuniti bagi sesi Akademik II : 2026/ 2027. Selamat Maju Jaya.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Kementerian Pendidikan Tinggi

26 Oktober 2026